

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI
DATO' OTHMAN SAID [Pengerang]**

TARIKH : 21 MEI 2015

RUJUKAN : 7876

SOALAN:

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menangani masalah mendapat kerakyatan untuk anak-anak wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga asing dan anak mereka dilahirkan di luar negara, memandangkan terdapat banyak kes di mana wanita tidak berupaya untuk berbuat demikian walaupun terdapat pindaan pentadbiran.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian III Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kaedah-kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia. Hal ini termasuklah kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita warganegara Malaysia yang berkahwin secara sah dengan lelaki warganegara asing. Permohonan seumpamanya boleh dikemukakan melalui Konsulat Persekutuan di luar negara di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa:-

Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu atau bapa atau penjaga mana-mana orang yang di bawah umur dua puluh satu tahun, maka Kerajaan Persekutuan boleh menyebabkan orang itu didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya adalah sekarang (atau pada masa kematiannya) seorang warganegara.

Dalam mentafsirkan peruntukan berkenaan, proses pertimbangan ke atas sesuatu permohonan kewarganegaraan Malaysia masih lagi tertakluk kepada syarat-syarat utama seperti status kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu bapa.

Selain itu, bagi ibu bapa yang berada di Persekutuan, permohonan tersebut boleh dikemukakan di mana-mana pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di Malaysia. Oleh itu, tidak timbul isu bahawa berlakunya kekangan dari segi undang-undang atau kaedah permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi kes-kes seumpamanya.